

**ḌAWĀBIṬ Fiqhīyyah IN WAQF AND ITS APPLICATION IN
WAQF MANAGEMENT**

**ḌAWĀBIṬ Fiqhīyyah BERKAITAN WAKAF DAN APLIKASINYA
DALAM PENGURUSAN WAKAF**

Zubair Amir Nur Rashidiⁱ, Nur Mardia Mazriⁱⁱ, Muhammad Ikhlas Roseleⁱⁱⁱ & Luqman Abdullah^{iv}

- ⁱ (Corresponding author). Calon Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. zubairislah@gmail.com.
ⁱⁱ Calon Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. mardya94@gmail.com.
ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. khlas@um.edu.my.
^{iv} Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. luqmanabdullah@um.edu.my

Received: 18 September 2024

Article Progress
Revised: 16 November 2024

Accepted: 19 November 2024

Abstract	<p><i>Ḍawābiṭ Fiqhiyyah is a universal principle (kullī) that organizes specific issues within a single chapter of fiqh. Fiqh principles (qawā'id fiqhiyyah) are comprehensive guidelines that encompass the components of various issues in Islamic jurisprudence. Meanwhile, waqf is an act of worship with fundamental principles established by Islamic law, yet its implementation remains open to ijtihād (independent reasoning). There is a need to understand universal principles (kullī) to ensure the application of waqf in management and development aligns with Islamic rulings, particularly among those involved in waqf administration. As most contemporary waqf issues are ijthadi in nature, analyzing relevant fiqh principles aids in addressing these challenges within an Islamic framework. This study examines the Ḍawābiṭ Fiqhīyyah principles pertinent to legal issues surrounding waqf, employing a literature review methodology. It refers to classical sources to understand historical waqf issues as discussed by early scholars, followed by an analysis of Qawaid Fiqhiyyah texts to derive relevant Ḍawābiṭ Fiqhīyyah principles. These principles are then applied to contemporary waqf management practices in Malaysia. Findings suggest that while some fiqh principles are broadly applicable across all jurisprudential matters, others—categorized as Ḍawābiṭ Fiqhīyyah—are specific to waqf. These principles are instrumental in deriving precise legal rulings within the domain of waqf.</i></p> <p>Keywords: <i>Ḍawābiṭ Fiqhīyyah, Qawā'id Fiqhiyyah, Application, Waqf Management.</i></p>
Abstrak	<p><i>Ḍawābiṭ Fiqhīyyah adalah suatu kaedah kullī yang menghimpunkan cabang masalah daripada satu bab dalam fiqh. Kaedah Fiqh merupakan suatu prinsip kullī yang merangkumi juzuk-juzuk bagi permasalahan ilmu fiqh. Wakaf pula merupakan ibadah yang mempunyai prinsip asas yang ditetapkan syarak, namun pelaksanaannya terbuka kepada ruang ijtihadi. Terdapat keperluan memahami kaedah kullī bagi memastikan aplikasi wakaf dalam aspek pengurusan dan pembangunan wakaf bertepatan dengan hukum Islam</i></p>

	<p><i>khususnya dalam kalangan golongan yang membangunkan wakaf. Permasalahan-permasalahan wakaf yang kebanyakannya bersifat ijtihadi boleh diselesaikan dengan memahami dawābit fiqhiyyah yang berkaitan serta aplikasinya dalam isu-isu wakaf semasa. Kajian ini bertujuan menganalisis dawābit fiqhiyyah berkaitan wakaf yang boleh diaplikasikan dalam permasalahan hukum-hakam dan pengurusan wakaf. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan membuat rujukan terhadap permasalahan wakaf dalam teks turath untuk memahami konsep dan isu-isu wakaf yang dibahaskan oleh para ulama. Seterusnya pengkaji merujuk kepada kitab-kitab Qawaid Fiqhiyyah serta mengeluarkan dawābit fiqhiyyah yang mencakupi permasalahan tersebut. Seterusnya, dābiṭ tersebut diaplikasikan dalam pengurusan wakaf di Malaysia. Hasil kajian mendapati kaedah fiqh bersifat umum merangkumi segala permasalahan dalam fiqh termasuk isu wakaf. Manakala dāwābiṭ fiqhiyyah pula bersifat khusus untuk isu-isu wakaf sahaja serta boleh membantu dalam mengistinbat hukum berkaitan wakaf.</i></p> <p>Keywords: <i>Dawābiṭ Fiqhiyyah, Kaedah Fiqh, Aplikasi, Pengurusan Wakaf.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Wakaf adalah salah satu instrumen kewangan sosial dalam Islam selain zakat dan sedekah. Keunikan wakaf dibandingkan dengan instrumen kewangan sosial lainnya adalah dari sudut manfaat yang bersifat kekal. Majoriti fuqaha mensyaratkan sifat kekal dalam aset wakaf agar manfaatnya dapat dinikmati oleh penerima secara berterusan dan pahala bagi pewakaf terus mengalir hingga setelah wafat (Kementerian Wakaf Kuwait, 2010). Sebahagian ulama menyebutkan bahawa orang pertama yang melakukan amalan wakaf adalah Nabi SAW sendiri dengan mewakafkan Masjid Quba' semasa hijrah baginda ke Madinah (Ikrimah, 2011). Manakala dalam kalangan sahabat Nabi SAW, saidina Umar al-Khattab merupakan sahabat pertama yang berwakaf sehingga perbuatannya menjadi dalil pensyariatan kepada wakaf adalah berdasarkan hadis 'Umar al-Khattab mewakafkan sebidang tanah yang beliau dapat di Khaibar. Sabda Nabi SAW:

{ إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا، قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا، وَلَا يُبْتَاعُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ }

Maksudnya, "Jika kamu suka, tahanlah (wakafkanlah) tanah itu dan bersedekahlah dengan manfaatnya. Lalu 'Umar bersedekah dengan tanah itu dengan mensyaratkan agar ia tidak boleh dijual beli, tidak diwarisi dan tidak dihadiahkan" (Hadis. Muslim. *Bāb al-Waqf*. 1632).

Setelah itu, para sahabat berlumba-lumba mewakafkan harta yang mereka cintai setelah penurunan ayat al-Quran berkaitan kelebihan bersedekah dengan harta yang mereka cintai. Wakaf juga dianjurkan berdasarkan nas-nas umum berkaitan anjuran bersedekah. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

﴿ لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya, "Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi, dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui." (Al-Quran. Surah Āli Imran, 3: 92)

Amalan wakaf dilakukan oleh para sahabat seperti Abu Talhah sejurus setelah penurunan ayat ini dan ia menjadi dalil pensyariatan wakaf. Peristiwa itu disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

{ كَانَ أَبُو طَلْحَةَ أَكْثَرَ الْأَنْصَارِ بِالْمَدِينَةِ مَالًا مِنْ نَخْلٍ، وَكَانَ أَحَبُّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ بَيْرُحَاءَ، وَكَانَتْ مُسْتَقْبِلَةَ الْمَسْجِدِ، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُهَا، وَيَشْرَبُ مِنْ مَاءٍ فِيهَا طَيِّبٍ. قَالَ أَنَسٌ: فَلَمَّا أُنزِلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: ﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تَحِبُّونَ﴾. فَأَمَّ أَبُو طَلْحَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَقُولُ: ﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تَحِبُّونَ﴾. وَإِنَّ أَحَبَّ أَمْوَالِي إِلَيَّ بَيْرُحَاءَ، وَإِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ، أَرْجُو بِرَّهَا وَدُخْرَهَا عِنْدَ اللَّهِ، فَضَعَّهَا، يَا رَسُولَ اللَّهِ، حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ. قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بَخٍ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِعٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِعٌ، وَقَدْ سِعَتْ مَا قُلْتِ، وَإِنِّي أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ. فَقَالَ أَبُو طَلْحَةَ: أَفْعَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَفَسَمَّهَا أَبُو طَلْحَةَ فِي أَقَارِبِهِ وَبَنِي عَمِّهِ }

Maksudnya, "Abu Talhah adalah merupakan golongan Ansar di Madinah yang paling banyak hartanya daripada kebun kurma. Harta yang paling beliau cintai adalah sebuah kebun bernama Bayruha', kebun itu terletak berhadapan dengan masjid. Rasulullah SAW selalu masuk ke dalam kebun itu dan meminum air yang bersih di dalamnya. Anas berkata: Tatkala turun ayat:

﴿ لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴾

Abu Talhah bingkis bangun dan berkata: Sesungguhnya harta yang paling aku cintai adalah kebun Bayruha, dan aku sedekahkan kebun itu untuk Allah SWT. Setelah Abu Talhah menyatakan hasrat untuk memberikan kebun Bayruha kepada Allah SWT, Nabi SAW bersabda: "Beruntunglah, itulah harta (yang mendatangkan) untung. Beruntunglah, itulah harta (yang mendatangkan) untung. Aku telah mendengar apa yang engkau katakan. Aku sarankan agar kamu membagikannya kepada para kerabatmu" (Hadis. Al-Bukhari. Bāb al-Zakāt 'Alā Aqārib. 1392).

Menurut al-Qurṭubī (1964), perbuatan Abu Talhah menunjukkan bahawa para sahabat beramal dengan zahir ayat ini dan keumumannya berkenaan galakan bersedekah sehinggalah datang saranan Nabi SAW agar dilaksanakan ibadah wakaf dengan mewakafkannya untuk kaum kerabat terdekat.

Selain itu, pensyariatkan wakaf melalui hadis Nabi SAW pula boleh dilihat menerusi sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

{ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }

Maksudnya, "Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah Jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakan untuknya." (Hadis. Muslim. Bāb Ma Yalhaqu al-Insān Min al-Thawāb Ba'da Wafātihi. 1631).

Menurut Imam al-Nawawī (1972), sedekah jariah dalam hadis ini merujuk pada wakaf. Konsep sedekah jariah merupakan salah satu keistimewaan dalam ibadah wakaf yang mendorong umat Islam untuk berwakaf. Wakaf juga berfungsi sebagai instrumen kewangan sosial yang boleh memberikan impak positif kepada pembangunan masyarakat. Oleh kerana itu, diskusi tentang pembangunan wakaf terus menjadi relevan sepanjang masa kerana wakaf juga berkembang seiring dengan perkembangan sains dan teknologi di berbagai sektor. Pengkaji memilih untuk mengkaji dan menganalisis dari sudut fiqh wakaf khususnya dalam pembangunan wakaf kesihatan. Kajian ini akan menfokuskan kepada kajian konsep *dābiṭ fiqhī* dalam isu wakaf yang merupakan salah satu cabang kepada *qawā'id al-fiqhiyyah* dalam usaha mengembangkan perbincangan fiqh dalam pengurusan wakaf di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia berpotensi untuk membangunkan wakaf dengan lebih berjaya meskipun menghadapi berbagai cabaran. Terdapat ruang untuk perbaikan yang dapat dilakukan oleh penggerak wakaf, khususnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berperanan sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia.

Kaedah fiqh digunakan secara meluas dalam pelbagai isu semasa yang timbul. Namun, kaedah yang berkaitan dengan suatu bab dalam ilmu fiqh secara spesifik iaitu *ḍawābiṭ fiqhīyyah*, dalam bab wakaf khususnya, diperlukan untuk membantu ahli akademik dan pelaksana wakaf di Malaysia. Terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji berkaitan aplikasi kaedah fiqh dan *ḍābiṭ fiqh*. Antaranya adalah 'Aplikasi kaedah fiqh berkaitan isu-isu semasa Covid-19' (Mualimin, 2020), 'Analisis Kaedah-Kaedah Fiqh dalam Kertas Muzakarah Majlis Kebangsaan Dalam Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Berkaitan Isu Covid-19' (Mahmud et al., 2023), '*Al-Dhawābiṭ al-Fiqhīyyah* yang berkaitan dengan jual beli' (Yusep Rafiqi, 2016). Rujukan-rujukan ini digunakan bagi membantu kajian terkini berkaitan langsung antara kaedah fiqh dan *ḍawābiṭ fiqhīyyah*. Isu berkaitan wakaf kebanyakannya bersifat *ijtihādī* yang memerlukan kepada kepakaran dalam mengistinbat hukum daripada dalil umum. Dalam hal ini, *ḍawābiṭ fiqhīyyah* berperanan dalam menentukan keharusan sesuatu pengamalan dalam pengurusan harta wakaf. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan mengenai aplikasi kaedah atau *ḍawābiṭ fiqhīyyah* menyentuh mengenai perbahasan isu semasa dalam pelbagai sektor seperti ibadat, perubatan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, aplikasi *ḍawābiṭ fiqhīyyah* dalam isu-isu wakaf secara spesifik tidak banyak ditemui oleh pengkaji khususnya dalam kalangan pengkaji dan ahli akademik di Malaysia. Sedangkan jika disoroti kitab-kitab fuqaha, perbahasan ilmu fiqh mengenai wakaf dan pembangunannya telah dibahaskan secara meluas dari pelbagai sudut yang juga sesuai untuk diaplikasi atau diqiaskan dengan permasalahan kontemporari. Dalam isu ini, Malaysia terkehadapan dalam pelbagai kajian wakaf dari perspektif ekonomi dan pengurusan, namun kajian akademik dari perspektif fiqh dilihat tidak begitu berkembang dengan baik. Antara aspek yang boleh diteroka ialah aplikasi *ḍawābiṭ fiqhīyyah* dalam pembangunan wakaf dan khusus untuk kajian ini pengkaji melihat aspek wakaf kesihatan adalah antara aspek yang boleh diketengahkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan metode kajian perpustakaan. Metode ini memanfaatkan kitab fiqh, usul fiqh, fiqh kontemporari dan kajian-kajian ilmiah berkaitan wakaf untuk mengetahui rukun, syarat serta konsep wakaf menurut perspektif ulama empat mazhab. Bagi mengkaji isu berkaitan wakaf, pengkaji merujuk kitab-kitab fiqh turath daripada pelbagai mazhab seperti kitab yang ditulis oleh Sulaiman al-Jamal (1996), al-Nawawī (2005), Ibn 'Arafah (t.t.), Ibn Nujaym (1999), al-Qarāfi (1994) dan Ibn Taymiyyah (1987). Seterusnya menjadikan kitab wakaf kontemporari seperti *Aḥkam al-Awqāf* oleh Mustafa al-Zarqa' (1997), *al-Qawā'id wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhīyyah wa Atharuhā fī Aḥkām al-Awqāf wa Mudawwanātuhā* oleh Habib Ghulam Ridha Namliti (2019) dan selainnya sebagai rujukan. Selain itu, kitab usul fiqh yang membahaskan mengenai *ḍawābiṭ fiqhīyyah* diperoleh dalam kitab *Qawaid Fiqhīyyah* seperti *al-Ashbah wa al-Nazair*, serta kitab kontemporari seperti kitab *al-Wajīz Fī 'Idāh Qawā'id al-Fiqhīyyah al-Kullīyyah* menjadi rujukan dalam mengeluarkan *ḍawābiṭ fiqhīyyah* yang tepat dengan isu semasa wakaf. Selain itu, artikel akademik juga menjadi rujukan yang diperoleh melalui carian kata kunci kajian ini iaitu *Ḍawābiṭ Fiqhīyyah*. Carian dibuat di internet melalui laman *google scholar*, *academia* serta laman sesawang universiti tertentu bagi mendapatkan kajian lepas berkenaan hukum-hukum wakaf. Daripada 40 kajian yang ditemui, hanya 25 sahaja yang digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini bagi mendapatkan permasalahan hukum berkaitan wakaf serta mengeluarkan *ḍawābiṭ fiqhīyyah* yang berkaitan. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan melalui metode kajian perpustakaan yang seterusnya dianalisis untuk mendapatkan dapatan kajian yang lengkap mengenai aplikasi *ḍawābiṭ fiqhīyyah* dalam wakaf kesihatan. Analisis kandungan dilakukan secara bertahap iaitu pertama memahami konsep kaedah

fiqh serta pembahagiannya. Kedua, mengenal pasti permasalahan hukum dalam wakaf khususnya wakaf kesihatan. Ketiga mengenal pasti *dawābiṭ fiqhīyyah* yang khusus untuk isu wakaf. Keempat mengaplikasikan *dābiṭ* tersebut dalam praktis semasa yang dilakukan oleh pengurusan wakaf di Malaysia.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pengertian *Dawābiṭ Fiqhīyyah*

Bagi mendalami maksud *Dawābiṭ Fiqhīyyah* yang berkait dengan isu wakaf secara spesifik, perlu difahami terlebih dahulu pengertian dan pembahagian *Qawā'id Fiqhīyyah* atau Kaedah Fiqh kerana ia saling berkait rapat antara satu sama lain. Kaedah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud *aṣlu* (asas suatu binaan) atau *dābiṭ* (panduan). Menurut 'Abd al-Karim Zaydan (2013) fiqh bermaksud ilmu bagi hukum-hakam syarie yang bersifat amali diambil daripada dalil-dalil *tafsīlī*. Kaedah fiqh *tarkīb idāfī* ditakrifkan oleh Muhammad Ṣidqī (2002) sebagai kaedah *kulli* yang menaungi kesemua juzuk-juzuknya. digunakan secara meluas dalam menyelesaikan permasalahan semasa yang timbul. Muhammad Ṣidqī (2002) membahagikan kaedah fiqh terbahagi kepada dua martabah iaitu:

1. Kaedah *Kulliyyah al-Kubrā* – Dinamakan sedemikian kerana keterangkumannya terhadap *furu'-furu'* masalah fiqh yang lebih luas. Malah, kaedah-kaedah fiqh yang lain merupakan pecahan kepada kaedah ini serta permasalahannya terangkul di bawahnya. Terdapat lima kaedah fiqh yang dinamakan sebagai *Qawā'id Kullī Kubrā* iaitu *al-Umūr bi Maqāsidiḥā*, *al-yaqīn la yazūl bi al-Shakk*, *al-Mashaqqah Tajlib al-Taysīr*, *Lā Ḍarara wa Lā Ḍirārā*, dan *al-'Adah Muḥakkamah*.
2. Kaedah Fiqh yang lebih kecil rangkumannya – Jenis ini pula dipecahkan kepada dua bahagian iaitu:
 - a. Kaedah Fiqh yang berada di bawah *Qawā'id Kullī Kubrā* seperti kaedah *al-Ḍarūrāt Tubīḥ al-Maḥzūrāt* yang berada di bawah kaedah *al-Mashaqqah Tajlib al-Taysīr* dan sebagainya.
 - b. Kaedah Fiqh yang tidak berada di bawah *Qawā'id Kullī Kubrā* seperti kaedah *al-Ijtihād La Yunqaḍu bi al-Ijtihād* dan sebagainya.

Selain itu, kaedah yang lebih kecil rangkumannya dinamakan juga sebagai *al-Ḍābiṭ al-Fiqhi*. *Dawābiṭ* merupakan lafaz jamak kepada *Dābiṭ* yang berasal daripada perkataan *ḍabaṭa* yang bermaksud tetap dan tertahannya sesuatu (Ibrahim et al., 2019). Manakala dari sudut penggunaan istilah *Dābiṭ* dalam bahasa arab adalah:

{(الضَّابِطُ) (عِنْدَ الْعُلَمَاءِ) حَكْمٌ كَلِمِي يَنْطَبِقُ عَلَى جِزْئِيَّاتِهِ}

Maksudnya, "*Dābiṭ* disisi ulama adalah hukum *kulli* yang terangkul dibawahnya pelbagai perkara *juz'iy*"

Para ulama tidak membezakan antara *Dābiṭ* dan *Qā'idah* dari sudut bahasa dan mereka mendefinisikan keduanya dengan definisi yang sama seperti definisi *Dābiṭ* yang disebutkan diatas (Alattas et al., 2021). Meskipun begitu, dari sudut istilah ulama Usul al-Fiqh, terdapat beberapa perbezaan antara Kaedah Fiqh dan *Ḍābiṭ al-Fiqhi* iaitu (Ṣidqī, 2002):

- Kaedah Fiqh menghimpunkan cabang-cabang daripada pelbagai bab dalam ilmu fiqh, manakala *Ḍābiṭ al-Fiqhi* merupakan kaedah *kulli* yang menghimpunkan cabang masalah daripada satu bab dalam fiqh.
- Kaedah Fiqh kebiasaannya lebih umum dan kandungannya disepakati antara mazhab-mazhab fiqh manakala *Ḍābiṭ al-Fiqhi* pula khusus kepada mazhab-mazhab tertentu dalam satu bab.

Manakala dari sudut persamaan, kedua-dua *qawā'id fiqh* dan *dābit fiqh* merupakan suatu kaedah *kullī* yang merangkumi beberapa *juz'iy* dalam permasalahan ilmu fiqh. Kedua-duanya mempunyai peranan tersendiri membantu para mujtahid dalam mengistinbat hukum daripada nas al-Quran dan al-Sunnah (Şidqī, 2002). *Dawābit Fiqhiyyah* diperoleh melalui sumber al-Quran, hadis dan ijmak serta kajian isu-isu yang disebutkan dalam kitab fiqh sehingga boleh membuat satu kaedah yang merangkumi isu lain yang hampir serupa untuk membantu *istinbat* hukum (Yusep Rafiqi, 2016).

Dalam permasalahan wakaf secara spesifik, kaedah-kaedah dan *dawābit* ini lebih kerap digunakan kerana isu wakaf memerlukan kepada ijtihad semasa yang lebih kerap berbanding permasalahan lain seperti bab ibadat yang mempunyai peraturan khusus serta telah dijelaskan secara terperinci tatacaranya daripada al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, bagi menghuraikan satu kaedah *kullī* berkaitan wakaf, istilah yang lebih tepat untuk digunakan adalah *dābit fiqhī* kerana ia merupakan suatu kaedah yang terpakai dalam satu bab sahaja dalam fiqh iaitu wakaf. Perbezaan takrifan antara *Qawā'id Fiqhiyyah* dan *Dawābit Fiqhiyyah* turut disebutkan oleh ulama silam yang lain dalam kitab mereka. Imam al-Subkī (1991) mendefinisikan kaedah sebagai:

{الأمر الكلي الذي ينطبق عليه جزئيات كثيرة يفهم أحكامها منها}

Maksudnya, "Perkara *kullī* yang terangkul dibawahnya pelbagai perkara *juz'iy* yang dapat difahami hukumnya daripadanya".

Manakala *dābit* didefinisikan sebagai:

{والغالب فيما اختص بباب وقصد به نظم صور متشابهة أن تسمى ضابطا}

Maksudnya, "Kebiasaannya kaedah yang khusus untuk bab tertentu dan bertujuan untuk menggambarkan suatu permasalahan yang serupa dinamakan sebagai *dābit*."

Walau bagaimanapun, sebahagian ulama tidak membezakan antara istilah *dābit* dan *qā'idah* dalam kitab mereka. Imam al-Subkī (1991) memberikan contoh istilah *qā'idah* yang digunakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab al-Wasīṭ:

{قاعدة: لو تحرم بالصلاة في وقت الكراهة ففي الانعقاد وجهان}

Maksudnya, "Kaedah: Jika seseorang melakukan *takbir al-Ihrām* untuk solat pada waktu *karāhah* maka dari sudut kesahannya, terdapat dua wajah (pandangan)".

Kaedah yang digunakan dalam teks ini membawa maksud *dābit* kerana ia berkait dengan permasalahan dalam bab yang khusus dan ia tidak boleh digunakan untuk kesemua bab dalam ilmu fiqh sebagaimana definisi *Qawā'id Fiqhiyyah* yang dijelaskan sebelum ini.

Maka, dalam menjelaskan suatu kaedah yang khusus dalam bab wakaf, penggunaan *Dawābit Fiqhiyyah* adalah lebih menepati objektif kajian ini bagi menganalisis kaedah-kaedah fiqh dalam bab wakaf serta menjadikannya sebagai panduan umum dalam memastikan pengurusan wakaf yang tepat dengan hukum syarak

ANALISIS DAWĀBIT FIQHĪYYAH BERKAITAN WAKAF DAN APLIKASINYA

Kaedah fiqh digunakan secara meluas dalam permasalahan semasa yang timbul. Kebanyakan permasalahan wakaf terbina dengan kaedah fiqh yang umum, atau melalui *qiyas* kepada permasalahan sedia ada, atau berdasarkan *maslahah* (al-Zarqa, 1997). Walau bagaimanapun, terdapat *dābit fiqhī* yang berkaitan dengan tajuk wakaf secara khusus. *Dawābit* ini diperoleh melalui sorotan dan *istiqrā'* masalah-masalah wakaf dalam kitab fiqh. Perbincangan wakaf dalam kitab fiqh tidak lari daripada isu pewakaf, nazir, harta yang sah untuk diwakafkan, pelaburan atau *istibdāl* harta wakaf. Bagi meringkaskan kajian ini, pengkaji mengenalpasti beberapa *dābit fiqhī* yang kerap diaplikasikan dalam pelaksanaan wakaf serta menghadkan perbincangan kepada beberapa *dābit fiqhī* yang terpilih, iaitu:

- Pertama:

{ شرط الواقف كنص الشارع }

Maksudnya: *Syarat pewakaf seperti nas syarak* (Ibn Nujaym, 1999).

Menghormati syarat pewakaf dianggap sebagai mematuhi ketetapan syarak kerana pewakaf mempunyai hak untuk menentukan bagaimana hartanya harus digunakan. Sebarang perkara yang disyaratkan oleh pewakaf wajib dipatuhi dan diraikan selagi mana syarat yang digariskan tidak melanggar nas syarak, maqasid syariah dan boleh memberi mudarat kepada harta wakaf. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 1:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ﴾

Maksudnya, "*Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.*" (Al-Quran. Al-Nisā' :1)

Ayat ini menjelaskan arahan agar menepati akad dan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT (al-Ṭabarī, 2001). Berdasarkan ayat ini mengikut syarat pewakaf adalah wajib. Namun, Ibn Nujaym (1999) memberikan pengecualian kepada beberapa syarat yang tidak wajib diikuti iaitu syarat yang berkaitan larangan qadi untuk menggugurkan nazir, atau pembatasan sewaan aset wakaf tidak lebih dari satu tahun kecuali jika memberikan manfaat kepada fakir miskin atau tidak ada penyewa lain. Begitu juga syarat bahawa al-Quran hendaklah dibaca atas kuburnya, maka penentuan itu terbatal.

Menggunakan harta wakaf tanpa mengikut syarat pewakaf merupakan suatu tindakan memakan harta orang lain secara batil yang merupakan dosa besar (Sulayman al-Jamal, 1996). Oleh itu, al-Qarāfi (1994) menyarankan para pewakaf agar meringankan syarat-syaratnya bagi mengurangkan bebanan kepada pengurus wakaf. Walau bagaimanapun, *ḍābiṭ* ini tidaklah bersifat mutlak kerana qadi mempunyai kuasa untuk bertindak ke atas suatu harta wakaf dengan mengutamakan maslahat wakaf itu sendiri. Menurut Ibn Nujaym al-Hanafi (1997):

{ والحاصل أن تصرف القاضي في الأوقاف مقيد بالمصلحة لأنه يتصرف كيف شاء فلو فعل ما يخالف شرط

الواقف فإنه لا يصح إلا لمصلحة ظاهرة }

Maksudnya, "*Rumusannya, keputusan qāḍī terhadap harta-harta wakaf adalah terikat dengan maslahah. Qāḍī tidak boleh melakukan apa-apa keputusan mengikut kehendaknya semata-mata. Jika dia membuat keputusan yang menyalahi syarat pewakaf, maka keputusan tersebut adalah tidak sah melainkan terdapat maslahat yang jelas*".

Dari sudut aplikasi dalam pembangunan wakaf kesihatan, sekiranya pewakaf mewakafkan hartanya dengan syarat bahawa dana tersebut digunakan khusus untuk menyediakan rawatan bagi pesakit kanser. Pengurus wakaf mesti memastikan bahawa dana tersebut digunakan untuk tujuan yang ditetapkan, seperti membiayai kos rawatan, penyelidikan mengenai kanser, atau membeli peralatan perubatan yang berkaitan dengan rawatan kanser. Pewakaf mensyaratkan bahawa dana wakaf hanya digunakan untuk membantu golongan miskin yang tidak mampu membayar rawatan perubatan. Pusat kesihatan atau hospital yang menerima dana ini mesti menjalankan saringan untuk memastikan bahawa hanya pesakit yang benar-benar tidak mampu membayar kos rawatan yang mendapat manfaat daripada wakaf tersebut. Selain itu, hospital atau pusat kesihatan yang menerima dana wakaf ini tidak boleh menggunakan dana tersebut untuk tujuan lain, seperti pembelian alat tulis atau pembangunan fasiliti yang tidak berkaitan dengan rawatan kanser.

Contoh seterusnya, sekiranya pewakaf mensyaratkan bahawa dana wakaf digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang patuh syariah, seperti rawatan menggunakan bahan-bahan halal dan prosedur perubatan yang selaras dengan hukum syarak. Maka, pihak pengurusan pusat kesihatan mesti memastikan bahawa semua rawatan dan ubat-ubatan yang dibiayai oleh dana wakaf adalah halal dan tidak bertentangan dengan prinsip syariah. sebagaimana yang disyaratkan. Oleh itu, penggunaan bahan-bahan haram dalam rawatan mesti dielakkan.

Bagi konteks penyelidikan kesihatan, sekiranya pewakaf mewakafkan dana dengan syarat ia digunakan untuk penyelidikan tertentu seperti penyelidikan khusus mengenai penyakit kencing manis (*diabetes*). Pihak universiti atau institusi penyelidikan mesti menggunakan dana wakaf tersebut untuk membiayai projek penyelidikan yang bertujuan mencari kaedah rawatan baru atau meningkatkan keberkesanan rawatan sedia ada bagi pesakit diabetes.

Kaedah fiqhyyah yang menyatakan bahawa syarat pewakaf adalah seperti nas syarak menekankan kepentingan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pewakaf dalam wakaf kesihatan. Ini memastikan bahawa niat pewakaf dihormati, manfaat wakaf disalurkan kepada pihak yang memerlukan, dan semua penggunaan dana wakaf adalah selaras dengan prinsip syariah. Menurut Ibn Hajar al-Haytami (1987), sebarang tindakan oleh nazir yang tidak mematuhi syarat pewakaf sebagai salah satu daripada dosa besar. Dengan cara ini, wakaf kesihatan dapat mencapai tujuan yang dikehendaki oleh pewakaf dan memberikan impak positif yang maksimum kepada masyarakat. Kaedah ini menekankan bahawa syarat yang ditetapkan oleh pewakaf harus dipatuhi dan diraikan, selagi mana syarat tersebut tidak melanggar prinsip-prinsip syariah, tujuan syariah (*maqāsid syariah*), dan tidak memberi mudarat.

- Kedua:

{الوقف لا مالك له}

Maksudnya: *Wakaf itu tiada pemilik baginya* (Ibn Nujaym, 1997).

Hakikat sebenar wakaf bahawa ia tidak mempunyai pemilik. Harta tersebut menjadi milik Allah dan hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Dalil yang menunjukkan harta wakaf tidak dimiliki oleh sesiapa daripada al-Quran:

﴿وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾

Maksudnya, “Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah.” (Al-Quran. Al-Jinn :1)

Masjid yang merupakan salah satu daripada bentuk wakaf disandarkan pemilikan kepada Allah SWT secara zahir dan batin (Habib Ghulam, 2019). Menurut al-Qurṭubī (1964), ayat ini diturunkan untuk keseluruhan masjid. Selain itu, tanah di Khaibar yang diwakafkan oleh Saidina Umar al-Khattab juga disifatkan sebagai harta yang tidak dimiliki oleh sesiapa seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Ibn Umar RA:

{وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا، وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ}

Maksudnya, “Bahawa asalnya tidak boleh dijual beli, tidak diwarisi dan tidak dihadiahkan.” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab Waqaf. 2772).

Kaedah ini merupakan asas kepada teori ‘*legal entity*’ yang terdapat dalam undang-undang. *Legal entity* merupakan suatu hak untuk membuat kontrak atau dipertanggungjawabkan atas apa-apa perkara secara undang-undang sama ada oleh individu atau syarikat (Cambridge, 2024). Pemilikan merupakan suatu yang penting dalam hukum-hukum muamalat. Penentuan pemilikan boleh memberi kesan kepada beberapa

perkara seperti kewajipan zakat, tanggungan ganti rugi (*damān*), hakcipta, tanggungjawab nafkah bagi orang melibatkan serta lain-lain. Jika terdapat pihak yang melakukan kesalahan terhadap syarikat, pemilik tidak akan dituntut secara peribadi. Sebaliknya, syarikat boleh menuntut dan menerima ganti rugi dari pihak yang bertanggungjawab. Dalam isu harta wakaf, sekiranya terdapat isu perundangan melibatkan harta wakaf, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal bertanggungjawab memelihara dan memulihara harta wakaf. Terdapat beberapa aplikasi *ḍābiṭ* ini dalam kitab fiqh antaranya (Habib Ghulam, 2019):

- Qadi boleh memutuskan keputusan pada satu harta wakaf tanpa kehadiran pewakaf, cukup dengan kehadiran nazir sahaja. Sebagai contoh, jika pewakaf yang telah meninggal dunia mempunyai hutang yang banyak (*dayn mustaghriq*) lalu dituntut oleh penghutang, maka qadi boleh membatalkan harta wakaf tadi untuk membayar hutang tersebut kepada penghutang (Ibn Taymiyyah, 1987).
- Harta wakaf tidak berhak mendapat hak syuf'ah kerana harta wakaf tidak dimiliki oleh sesiapa. Hal ini bertepatan dengan *ḍābiṭ* dalam isu syuf'ah iaitu: (Ibn 'Abidin, 1966)

{ مَا لَا يَجُوزُ بَيْعُهُ مِنَ الْعَقَارِ كَالْأَوْقَافِ لَا شُفْعَةَ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ }

Maksudnya, "Harta tidak alih yang tidak boleh dijual beli seperti harta wakaf, tidak boleh mendapat hak syuf'ah".

Aplikasinya dalam pengurusan wakaf, sekiranya seorang pewakaf mendirikan sebuah klinik yang dibiayai oleh dana wakaf untuk memberikan khidmat kesihatan secara percuma kepada masyarakat, klinik tersebut mestilah terus berfungsi sesuai dengan niat pewakaf, yakni memberikan khidmat kesihatan secara percuma. Klinik tersebut tidak boleh mengenakan yuran kepada pesakit yang datang untuk mendapatkan khidmat kesihatan. Jika ada lebihan dana dari wakaf, dana tersebut hendaklah digunakan untuk memperbaiki atau memperluas khidmat di klinik, bukan untuk kepentingan pribadi atau hal-hal yang tidak sesuai dengan tujuan wakaf.

Begitu juga, jika sebuah bangunan hospital diwakafkan untuk tujuan kesihatan, hospital tersebut tidak boleh dijual atau digunakan untuk tujuan lain selain daripada menyediakan perkhidmatan kesihatan. Hospital tersebut tidak boleh dijual atau diubah fungsi menjadi bangunan komersial. Semua hasil pendapatan daripada perkhidmatan kesihatan yang disediakan digunakan semula untuk penyelenggaraan hospital dan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit. Begitu juga, peralatan perubatan di pusat dialisis, klinik dan sebagainya yang diwakafkan seperti *CT-Scan*, Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) atau seumpamanya hendaklah digunakan di pusat kesihatan awam. Ia hanya boleh digunakan untuk rawatan pesakit dan tidak boleh dijual atau disewakan. Jika rosak, ia mesti dibaiki atau diganti untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terjejas.

Kaedah ini menekankan bahawa harta yang diwakafkan tidak lagi mempunyai pemilik individu. Sebaik sahaja sesuatu harta dijadikan wakaf, ia keluar dari pemilikan pewakaf dan tidak dimiliki oleh mana-mana individu atau entiti. Sebaliknya, ia menjadi milik Allah SWT dan digunakan untuk manfaat awam atau tujuan yang telah ditetapkan oleh pewakaf.

- Ketiga:

{ يُفْتَى بِمَا هُوَ أَنْفَعُ لِلْوَاقِفِ }

Maksudnya: *Difatwakan keputusan yang lebih memberi manfaat kepada wakaf* (Ibn 'Abidin, 1966).

Kaedah ini menjelaskan bahawa ketika berlaku percanggahan pandangan dalam kalangan ulama mengenai suatu isu wakaf, institusi fatwa wakaf hendaklah mendahulukan keputusan yang lebih memberi manfaat kepada harta wakaf (Ibn 'Abidin, 1966). Fatwa

adalah pemberitahuan mengenai hukum Allah (al-Qarāfi, 1994). Manfaat pula adalah perkara yang memberi kebaikan. Fatwa dalam isu-isu tertentu bersifat *ijtihadī* dan bergantung kepada pertimbangan masalah oleh para qadi. Justeru, kaedah ini menjadi panduan bagi para qadi dalam membuat keputusan mengenai isu wakaf iaitu dengan mengutamakan keputusan yang lebih memberi manfaat kepada harta wakaf.

Ibn 'Abidin (1966) menyebutkan dengan jelas mengenai isu bukti wakaf diterima sekalipun tanpa orang yang mendakwa:

{ وَيُنْبَغِي أَنَّهُ يُفْتَى بِهِ وَيُعَوَّلُ عَلَيْهِ لِمَا فِيهِ مِنْ صَوْنِ الْوَقْفِ عَنِ التَّعَرُّضِ إِلَيْهِ بِالْحَيْلِ وَالْتَّلَابِيسِ وَالِدَّعَاوَى الْمُفْتَعَلَةِ فَصَدًّا لِإِبْطَالِهِ؛ وَلِمَا فِيهِ مِنَ النِّفْعِ لِلْوَقْفِ }

Maksudnya, "Qadi wajar berfatwa dengannya (tidak mendengar pendakwaan) dan keputusan cenderung kepadanya bagi menjaga harta wakaf daripada terdedah kepada helah, penipuan dan pendakwaan yang dibuat-buat bertujuan untuk membatalkan wakaf. Hal ini kerana keputusan ini lebih memberi manfaat kepada harta wakaf."

Ḍābiṭ ini diaplikasikan dalam beberapa masalah serta disebutkan dalam kitab-kitab fiqh. Antaranya adalah nazir wakaf boleh dilucutkan jawatannya oleh qadi sekiranya didapati tindakan tersebut lebih memberi masalah kepada harta wakaf (Ibn 'Abidin, 1966). Selain itu, dalam isu harta wakaf yang rosak atau manfaatnya tidak boleh digunakan. Maka, pihak qadi perlu berfatwa agar dibayar ganti rugi kerana ia lebih memberi manfaat kepada wakaf serta dapat menjaga harta wakaf (Ibn 'Abidin, 1966). Habib Ghulam (2019) memberikan contoh sewaan harta wakaf mestilah dinaikkan seiring dengan harga pasaran bagi meraikan kenaikan nilai harta wakaf. Hal ini bertujuan memelihara harta wakaf bagi mengekalkannya dan terus memberi manfaat kepada pewakaf.

Dalam aspek aplikasinya dalam wakaf kesihatan, pengurus sesebuah fasiliti wakaf kesihatan seperti klinik atau hospital wakaf yang diberikan tauliah sebagai nazir boleh dilucutkan jawatannya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) jika didapati berlaku salah guna kuasa atau terdapat kelemahan dalam pentadbiran. Keputusan yang dilakukan mestilah melihat kepada perkara yang lebih memberi manfaat kepada harta wakaf.

Selain itu, bagi pembangunan wakaf kesihatan daripada hospital swasta, aplikasinya boleh dilihat dari sudut penentuan harga sesuatu rawatan oleh pihak hospital. pengurus wakaf boleh membuat ketetapan mengikut harga pasaran. Walau bagaimanapun, penetapan harga ini adalah untuk pesakit selain daripada golongan yang layak menerima manfaat wakaf seperti orang yang dibayar oleh syarikat *panel* atau golongan berpendapatan tinggi manakala bagi pesakit yang membayar secara tunai atau golongan berpendapatan rendah, maka mereka sewajarnya mendapat manfaat potongan diskaun untuk rawatan yang dijalankan daripada dana wakaf yang dibangunkan dalam hospital ini (Shaharom & Siti Mashitoh, 2021). Perkara ini bertujuan memastikan harta wakaf yang ada dalam hospital terpelihara dan terus berkembang untuk kegunaan mereka yang berkecukupan.

- Keempat:

{ كُلُّ مَنْ صَحَّ تَبَرُّعُهُ صَحَّ وَقْفُهُ }

Maksudnya, "Semua orang yang sah bertabarru' (sedekah) sah wakafnya" (Abu Zur'ah, 2011).

Ḍābiṭ ini menekankan bahawa kriteria sah bagi seseorang untuk memberikan sumbangan atau derma adalah sama dengan kriteria sah bagi seseorang untuk membuat wakaf. Kriteria yang sah untuk seseorang memberikan sumbangan ini diistilahkan sebagai *ahliyyah li al-tabarru'* dalam kitab fiqh. 'Abd al-Karim Zaydan (2013) mentakrifkan *ahliyyah* sebagai kelayakan seseorang untuk mendapat hak-hak (*ahliyyah al-wujūb*) atau kelayakan untuk menunaikan hak-hak tertentu (*ahliyyah al-adā'*). Keahlian untuk bertabarru' ini merangkumi beberapa syarat, iaitu dia mestilah seorang yang:

1. **Mukallaf:** Individu tersebut mestilah seorang yang mukallaf (telah mencapai usia baligh dan berakal). Tidak sah wakaf yang dilakukan oleh kanak-kanak kerana mereka tidak mempunyai keahlian penuh dari segi *tasarruf* pada perkara yang mempunyai mudarat padanya ('Abd al-Karim Zaydan, 2013).
2. **Mempunyai Pemilikan Penuh Keatas Harta:** Harta yang ingin diwakafkan mestilah dimiliki sepenuhnya oleh individu tersebut. Begitu juga, tidak sah wakaf yang dilakukan oleh seorang hamba kerana wakaf adalah menghilangkan pemilikan sedangkan hamba bukan seorang yang layak memiliki harta. Namun, sebahagian wakaf yang dilakukan oleh hamba sah jika diizinkan oleh tuannya, atau dia seorang hamba *muba'ad* serta wakaf tersebut adalah daripada bahagian hartanya yang diperoleh (Habib Ghulam, 2019).
3. **Tiada Paksaan:** Wakaf mestilah dilakukan tanpa sebarang paksaan atau tekanan. Tidak sah wakaf yang dilakukan oleh orang yang dipaksa kerana dia melakukannya tanpa pilihan (*ikhtiyar*) daripadanya.

Memandangkan wakaf merupakan suatu bentuk *tabarru'*, maka keabsahan wakaf daripada seorang pewakaf perlu dilihat dari sudut syarat keahlian *tabarru'*. Justeru, berdasarkan kaedah ini, tidak sah wakaf seorang kanak-kanak, orang gila dan orang yang mufliis (al-Ramlī, 1984). Manakala, wakaf yang orang yang sakit sebelum kematian dianggap sebagai wasiat. Kesimpulannya, berdasarkan *dhawabit* ini, seorang pewakaf yang ingin mewakafkan sesuatu mestilah cukup syarat-syarat keahlian *tabarru'*.

- Kelima:

{ يُتَسَامَحُ فِي الْوَقْفِ مَا لَا يُتَسَامَحُ فِي غَيْرِهِ }

Maksudnya, "Dimaafkan dalam hal wakaf sesuatu yang tidak dimaafkan dalam hal lain" (al-Qarāfi, t.t.)

Wakaf sah pada perkara-perkara bersifat ibadat, *tabarru'* dan lebihan. Perkara ini tidak sah dilakukan pada akad *mu'awadah* kerana berdasarkan kaedah bahawa wakaf dimaafkan pada perkara yang tidak dimaafkan pada perkara lain (al-Ramlī, 1984). *Dābiṭ* ini merupakan pecahan kepada kaedah yang lebih umum dalam muamalat iaitu *Yughtafar fi al-Tabarru'āt wa al-Qurubāt Mā Lā Yughtafaru fi al-Mu'āwadhāt* yang bermaksud "dimaafkan pada akad *tabarru'* dan perkara yang bersifat ibadah, yang tidak dimaafkan pada akad *mu'awadah*". Menurut al-Qarāfi (t.t.), asas akad ini adalah ia tidak terbina bagi tujuan mengembangkan harta sebagaimana akad *mu'awadah*.

Perkara sedemikian berlaku kerana asas bagi wakaf adalah memberi manfaat dan ihsan kepada masyarakat sebagaimana yang disebutkan dalam Firman Allah SWT:

﴿مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِنْ سَبِيلٍ﴾

Maksudnya: "Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya" (Al-Quran. al-Taubah, 91)

Selain itu, menurut Imam al-Nawawī (1991) wakaf adalah suatu ibadah dan bukan semata-mata akad perpindahan hak milik sesuatu harta:

{ الْوَقْفُ قَرْبَةٌ يَحْتَمِلُ فِيهِ مَا لَا يَحْتَمِلُ فِي الْمَعَاوِضَاتِ }

Maksudnya, "Wakaf adalah suatu bentuk ibadah yang tidak ada pada akad *mu'awadah*".

Antara contoh aplikasi *dābiṭ* ini dalam pelaksanaan wakaf semasa adalah:

- Wakaf tunai untuk tujuan pelaburan adalah sah sekalipun wang tunai adalah suatu yang tidak kekal fizikalnya. Fatwa ini adalah berdasarkan pandangan mazhab Maliki yang tidak mensyaratkan elemen kekal pada harta wakaf (*mawquf*). Negeri-negeri di Malaysia seperti negeri Selangor telah memutuskan bahawa harus melaksanakan

wakaf tunai sebagai harta wakaf dengan syarat-syarat tertentu (Perbadanan Wakaf Selangor, 2024).

- Sah wakaf bagi pewakaf yang mensyaratkan manfaat wakaf untuk dirinya kemudian untuk anak-anaknya, kemudian untuk fakir miskin. Ini adalah pandangan yang difatwakan dalam mazhab Hanafi yang merupakan pandangan Abu Yusuf. Menurut (al-Ṭarābilisī, 1902), ia bertujuan menggalakkan orang ramai untuk berwakaf.

Secara umumnya, permasalahan fiqh yang menggunakan *dābiṭ fiqhī* ini sebagai panduan hukum kebiasaannya melibatkan isu yang diperselisihkan dalam kalangan para ulama. Pihak qadi hendaklah mengutamakan masalah kepada harta wakaf serta mengambil keputusan yang lebih ringan dalam isu-isu yang terdapat khilaf dalam kalangan ulama antara yang membenarkan dan yang tidak membenarkan. Hal ini bagi merealisasikan tujuan dan asas utama wakaf sebagai instrumen kebajikan yang terbina atas dasar ihsan kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Ḍawābiṭ Fiqhīyyah merupakan suatu kaedah yang ditentukan oleh ulama dalam sesuatu bab fiqh setelah menganalisis hukum-hukum wakaf secara terperinci. *Ḍawābiṭ* ini dinyatakan dalam kitab-kitab kaedah fiqh bagi memudahkan penuntut ilmu membuat *qiyās* terhadap permasalahan lain yang timbul yang mempunyai kesamaan dalam perkara asal untuk diberikan hukum yang serupa. Dalam artikel ini, pengkaji membincangkan lima *Ḍawābiṭ fiqhīyyah* sebagai contoh kepada penyelesaian isu wakaf oleh para ulama. Antara ciri-ciri wakaf yang ditekankan oleh para ulama berdasarkan *Ḍawābiṭ fiqhīyyah* tersebut adalah syarat pewakaf harus dipatuhi seperti ketetapan syarak, wakaf tidak memiliki pemilik individu melainkan dimiliki oleh Allah SWT dan digunakan sesuai dengan niat pewakaf. Melalui kajian kualitatif dengan metode perpustakaan, artikel ini mengidentifikasi beberapa kaedah fiqhīyyah yang relevan dengan pengurusan wakaf, menunjukkan pentingnya mematuhi syarat pewakaf dalam penggunaan harta wakaf dan memastikan semua tindakan adalah selaras dengan prinsip-prinsip syariah.

PEGNHARGAAN

Kajian ini dilakukan di bawah Geran Khas Penyelidikan (GKP) Tahun 2022 (No. UMG018L-2022), Universiti Malaya yang bertajuk "Pembangunan Wakaf Kesihatan di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Islam".

RUJUKAN

Buku

- Abd al-Karīm Zaydān. (2013). *Al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. Damsyiq: Muassasah al-Risalah al-Nasyirun.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. (1972). *Syarḥ al-Nawawī 'ala Muslim*. Bayrūt: Lubnan: Dār Iḥyā' Turath 'Arabī.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. (1991). *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muftīn*. Amman, Jordan: Dar al-Fikr
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. (2005). *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhab*. Bayrūt: Dar al-Fikr.
- al-Qarāfī, Abu al-'Abbas Syihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs bin 'Abd al-Rahmān al-Mālikī al-Qarāfī. (1994). *al-Zhakhīrah*. Bayrūt: Dār al-Ghurab al-Islāmī.
- al-Qarāfī, Abu al-'Abbas Syihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs bin 'Abd al-Rahmān al-Mālikī al-Qarāfī. (t.t.). *Anwār al-Barūq Fī Anwār al-Furūq*. t.tpt, t.pbt.
- al-Qurṭubī, Abū Abdullah Bin al-Anṣārī. (1964). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Ramlī, Muhammad bin Abu al-Abbas Syihabuddin al-Ramlī. (1984). *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Syaḥ al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Fikr.

- al-Subkī, Tāj al-Dīn al-Subkī. (1991). *Al-Asybah wa al-Nazāir*. Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah.
- al-Ṭabarī, Abu Ja’far Muhammad bin Jarīr. (2001). *Tafsīr al-Ṭabarī Jami’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Quran*. Mesir: Dār Hajar.
- al-Ṭarābilisī, Ibrahim bin Musa. (1902). *AL-Is’āf Fī Aḥkām al-Awqāf*. Matba’ah Hindiyah.
- al-Zarqa’, Mustafa Ahmad. (1997). *Aḥkām al-Awqāf*. Amman: Dar ‘Imar.
- Habib Ghulam Ridha Namliti. (2019). *Al-Qawā’id wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah wa Atharuha fī Aḥkām al-Awqāf wa Mudawwanātuhā*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Al-Amānah al-‘Ammah Li al-Awqāf.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin (1966). *Hasyiah Ibn ‘Abidin*. Bayrūt: Dar al-Fikr.
- Ibn ‘Arafah, Muhammad bin Ahmad al-Dusuki. (t.t). *Hāsyiah al-Dusuki ‘alā al-Syarh al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Haytami, Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali bin Hajar. (1987) *Al-Zawājir ‘An Iqtirāf al-Kabāir*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Haytami, Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali bin Hajar. (1983) *Tuhfah al-Muḥtāj Fī Syarḥ al-Minhāj*. Mesir: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubra.
- Ibn Nujaym al-Hanafī, Zayn al-Din bin Ibrāhīm bin Muhammad. (1999). *Al-Asybah wa al-Nazāir*. Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah.
- Ibn Nujaym al-Misri al-Hanafī, Zayn al-Din bin Ibrāhīm bin Muhammad. (1997). *Al-Bahr Rāiq Syarḥ Kanz al-Daqāiq*. Bayrūt: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah. (1987). *Fatāwa al-Kubra*. Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Zayyāt, Ḥāmid ‘Abd al-Qādir & Muhammad al-Najjār. (2019). *Mu’jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Dār al-Da’wah.
- Ikrimah Said Sobri. (2011). *al-Waqf Baina Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Jordan: Dar al-Nafa’is.
- Kementerian Wakaf Kuwait. (2010). *al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait, Dār al-Salāsil.
- Muhammad Ṣidqī bin Ahmad bin Muhammad al-Burno. (2002). *Al-Wajiz Fī Ḍāḥ Qawā’id al-Fiqhiyyah al-Kulliyyah*. Bayrūt: Muassasah al-Risalah.
- Sulaiman bin Umar al-Jamal. (1996). *Hāsyiah Jamal Alā Syarḥ al-Manhaj al-Ṭullāb*. Bayrūt: Dār al-Fikr,.

Jurnal

- Alattas, A. Z. A., & Abdul Rahman, N. N. (2021). The Relationship Between Concept of Dawabit Fiqhiyyah And Dawabit Usuliyah: A Descriptive Study: العلاقة بين مفهوم الضوابط الأصولية والفقهيّة والضوابط الأصولية: دراسة تأصيلية. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 24(1), 66–77. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/314/216>
- Mahmud, A. T., Mohd Subri, I., & Abdul Majid, M. N. (2023). Analisis Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Kertas Kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Berkaitan Isu Pandemik COVID-19: Satu Sorotan Literatur: Analysis On The Application Of Islamic Legal Maxims In Research Papers Of National Council Of The Islamic Religious Affairs: A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 104–122. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.512>
- Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar, A. S. Baharuddin. (2020). Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik Covid-19. *INSLA Proceedings*, 3(1), 535-543.
- Shaharom Md Shariff & Siti Mashitoh Mahamood. (2021). Waqf Conceptual Model: A Practical Implementation for a Private Specialist Hospital. *South Asian Review of Business and Administrative Studies*, 3(2), 107-120.
- Yusep Rafiqi. (2016). Al-Dhawābith Al-Fiqhiyyah Yang Berkaitan Dengan Jual Beli (Tinjauan Ringkas Dalam Himpunan Undang-Undang Hukum Perdata Daulah Utsmaniyah: Al-Majallah Al-Ahkām Al-‘Adliyyah). *Al-Mashlahah Jurnal Hukum dan Pranata Sosial Islam*, 4 (7), 377-386.

Laman Sesawang

Cambridge Dictionary. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/legal-entity>
(Diakses pada 30 Oktober 2024)

Perbadanan Wakaf Selangor. <https://www.wakafselangor.gov.my/> (Diakses pada 1 Jun 2024)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.